



SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PEMBUKAAN PUSAT PEMBERIAN VAKSINASI INDUSTRI UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN UDARA DI KLIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada hari ini telah meneruskan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan dengan pelancaran pembukaan Pusat Pemberian Vaksinasi Industri (PPVIN) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), khas untuk Sektor Pengangkutan Udara.

Melalui program ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah bekerjasama dengan beberapa syarikat industri penerbangan seperti Malaysia Airlines Berhad, Malindo, syarikat pengendalian darat AeroDarat, syarikat-syarikat penerbangan asing yang diwakili oleh Airline Operators Committee (AOC) dan pekerja kargo yang diselaraskan oleh Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM). Program vaksinasi ini dilaksanakan bermula 5 Julai sehingga 24 September 2021 di Anjung Tinjau, Terminal 1, KLIA dari jam 8 pagi sehingga 6 petang pada hari Isnin-Jumaat. PPVINKLIA ini dibuka bertujuan mempermudah dan mempercepatkan program vaksinasi seramai lebih kurang 22,243 pekerja sektor penerbangan serta yang berkaitan di KLIA.

Bagi sektor pengangkutan darat yang melibatkan pengangkutan awam darat, beberapa PPV turut akan dibuka di beberapa lokasi di seluruh negara bagi memastikan 19,259 petugas rel dan pemandu bas dapat diberikan vaksinasi dalam masa terdekat.

Di samping itu, MOT bersama pihak CITF sedang menyelaraskan program vaksinasi kepada pemandu teksi/ e-hailing, pemandu bas dan petugas penghantar barangan (p-hailing) dengan jumlah keseluruhan dianggarkan 355,064 orang di seluruh negara. Program ini akan dilaksanakan di bawah PPV Awam dan Kerajaan akan menanggung keseluruhan kos tersebut.

MOT komited dan akan terus bekerjasama dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), terutama dalam memastikan para petugas industri pengangkutan menerima vaksin secepat mungkin.



VACCINATION FOR AVIATION WORKERS COMMENCES IN KLIA TERMINAL ONE

The Ministry of Transport Malaysia (MOT), in cooperation with the Ministry of Science, Technology, and Innovation (MOSTI) and Ministry of Health Malaysia (MOH) today has continued vaccinations for the Transport Sector with the launch of the Industry Vaccination Centre (PPVIN) in KLIA for the aviation sector.

Under this programme, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) is working together with several airlines including Malaysia Airlines Berhad, Malindo Air, ground handling provider AeroDarat, foreign airlines represented under Airline Operators Committee (AOC) and cargo workers represented by Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM).

From 5 July to 24 September 2021, the aviation sector vaccination programme will be held at Anjung Tinjau, Terminal One, of the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) from 8:00am to 6:00pm, Monday to Friday. This programme is aimed at expediting the vaccination for an estimated 22,243 aviation and other related industry workers in KLIA.

For the land transport sector involving public transport, several vaccination centres will be opened nationwide to speed up the vaccination process for 19,259 rail and bus workers.

At the same time, MOT together with the COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) is also finalising the vaccination programme for a total of 355,064 drivers of taxis, e-hailing vehicles, and buses, as well as p-hailing workers nationwide. The costs of this vaccination programme, to be implemented as public vaccination, will be fully borne by the Government.

The Ministry is committed to working closely with CITF to ensure that the National COVID-19 Immunisation Programme (PICK) results in getting the transport industry's workers vaccinated in the shortest time possible.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
5 JULAI 2021

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my